

SELASA
18 06
2019

Membimbing
Ke Arah
Kemahiran
Berfikir Aras
Tinggi
(KBAT)

BH MINDA

bhminda@bh.com.my

6

KEMAHIRAN BAHASA

Imbuhan apitan pen...an
dan ke...an

8

MATEMATIK

Apa itu
Koordinat?

ICT GERBANG ILMU

➔ Pelajar perlu
manfaatkan pelbagai
kemudahan teknologi
timba pengetahuan



Oleh Meor Ahmad Nasrili
Rizal Ishak
meor.ahmad@bh.com.my

➔ Kuala Lumpur

Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) berupaya mewujudkan persekitaran realistik yang interaktif dan menyeronokkan.

Menerusi ICT, pelajar mampu menajana daya kreativiti dan inovasi, selain cekap menggunakan teknologi untuk mengakses maklumat daripada

pelbagai sumber sejajar perkembangan global berasaskan e-pembelajaran dan ekonomi.

Antara penggunaan ICT dalam proses PdP ialah pembelajaran secara tutorial, penerokaan aplikasi dan komunikasi.

Hasilnya, pelajar yang berada di bilik darjah mampu berkomunikasi hingga ke peringkat global sama ada secara dua hala atau lebih.

Sistem pendidikan negara sentiasa menitikberatkan usaha melahirkan pelajar yang serba boleh bagi mendepani pembelajaran abad ke-21 (BA 21) yang serba mencabar. **Lihat M.2**

Layari www.FullAMark.com.my untuk melanggan bagi mendapatkan lebih banyak soalan PT3

ICT bentuk pelajar mampu berdikari

➔ Lahirkan generasi berilmu, minda terbuka

Dari Muka 1

Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) TTDI Jaya, Encik Azahar Nor Arifin Ahmad, berkata keupayaan menguasai ICT dalam kalangan pelajar dilihat sebagai satu kelebihan bagi melahirkan generasi berilmu yang berdaya saing pada peringkat global.

Beliau berkata, sehubungan dengan itu, memanfaatkan ICT bagi meningkatkan pembelajaran di Malaysia adalah selari dengan anjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025).

Katanya, perubahan PdP di sekolah perlu seiring dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi terkini.

"Antara kepentingan menguasai ICT dalam kalangan pelajar ialah melahirkan generasi berilmu dan terbuka mindanya kerana tidak hanya bergantung kepada guru



Penggunaan ICT dalam PdP memudahkan pelajar dan guru memperoleh informasi yang tepat dan berkesan.

semata-mata.

"Pelajar yang menguasai ICT mampu meningkatkan pengetahuan melalui sumber daripada internet, selain tunjuk ajar dan bimbingan guru di bilik darjah," katanya ketika dihubungi *BH Minda*, baru-baru ini.

Optimum penggunaan ICT dalam PdP

Penggunaan ICT dalam PdP bermaksud menggunakan ICT secara berfikir, terancang dan bersesuaian untuk meningkatkan kecekapan proses dan keberkesannya.

Selain itu, kandungan terkini iaitu bahan yang terdapat dalam internet sentiasa dikemas kini, sekali gus memu-

dahkan pelajar dan guru dalam memastikan informasi yang tepat serta berkesan.

Penggunaan aplikasi berteraskan gamifikasi akan menjadikan suasana PdP yang menarik minat pelajar.

Contohnya, menerusi penggunaan aplikasi *skype* pelajar dapat berinteraksi dengan dunia luar sekali gus bertanya mengenai sesuatu sumber pembelajaran yang berkaitan.

SMK TTDI Jaya mengaplikasi *skype* dengan mendedahkan pelajar mengetahui dan berbulu mengenai pendidikan dengan negara luar seperti Lubnan, Vietnam dan India.

Beliau berkata, penggu-

naan video dan kesan bunyi yang canggih melalui perisian turut mampu menarik minat dan meningkatkan motivasi pelajar.

Pembelajaran maya

"SMK TTDI Jaya juga menyediakan wahana untuk pendidikan berasaskan ICT, iaitu penggunaan pembelajaran 'maya' seperti (Facebook) 'FB live' dan (Instagram) 'IG live' bagi menarik minat pelajar mendekati pembelajaran dengan pelbagai cara melalui penggunaan perkakasan ICT yang dimiliki di luar bilik darjah.

"Secara keseluruhan, dapat meningkatkan pemahaman pelajar lebih cepat melalui



Encik Azahar Nor Arifin Ahmad

contoh yang boleh ditunjukkan secara nyata," katanya.

Ditanya mengenai kemungkinan ICT akan menyebabkan pertembungan dengan cara PdP konvensional, Encik Azahar berkata, kaedah konvensional adalah satu kaedah yang menggalakkan pertuturan dan memberikan keyakinan pelajar ketika membenteng hujah.

Katanya, penggunaan ICT pula lebih kepada penerokaan dan sedikit kekurangannya adalah pelajar kurang berinteraksi antara satu sama lain.

"Kita perlu pandai membuat intervensi dalam menjadikan PdP konvensional lebih menarik apabila boleh menggunakan maklumat dan input yang lebih banyak selain *chalk n talk*," katanya.

info.

Kesan positif ICT terhadap PdP

- ➔ Minat untuk belajar meningkat dengan penggunaan elemen kreatif dalam menghasilkan sesuatu tugas
- ➔ Memudahkan guru untuk mencapai objektif yang berkesan
- ➔ Pengendalian pangkalan data yang cekap mampu menjadikan kerja guru lebih tersusun dan mudah diakses
- ➔ Pelajar lebih terkesan dengan pembelajaran harian
- ➔ Mampu merangsang fikiran dan idea baik untuk mereka
- ➔ Pelajar lebih jelas memahami dengan gambar dan struktur carta, graf dan imej yang dapat ditunjukkan berdasarkan bahan pengajaran
- ➔ Dapat menjimatkan masa
- ➔ Pembelajaran lebih menyeronokkan dan masa dapat dimanfaatkan dengan baik
- ➔ Pelajar dapat menonjolkan potensi dengan aplikasi bahan secara penerokaan
- ➔ Pelajar dapat mengakses dengan lebih mudah bahan pembelajaran dan teknik pembelajaran yang berkesan
- ➔ ICT berupaya meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar terhadap pembelajaran
- ➔ Meningkatkan daya kreativiti dan imaginasi pelajar

Pembelajaran era digital lebih menarik perhatian

Kuala Lumpur: Dalam era digital ini, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) perlu selari dengan teknologi dalam usaha membangunkan sahsiah dan personaliti pelajar.

Pelajar SMK TTDI Jaya, Ilham Wafy Syamsul Azhar, 15, berkata antara kelebihan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam PdP ialah dapat menarik perhatian pelajar ketika proses pembelajaran sedang berlangsung.

Katanya, hal itu demikian berikutan aplikasi yang digunakan seperti *Microsoft Powerpoint* dan sebagainya dapat mempamerkan imej serta visual yang menarik dan berwarna, sekali gus dapat menarik lagi minatnya.

"Di samping kesan audio dan imej suara yang menarik, saya tidak mudah merasa jemu dan bosan kerana lebih tertarik dengan gaya persembahan yang ditun-



Ilham Wafy Syamsul Azhar

jukkan melalui ICT.

"Penggunaan ICT dapat meningkatkan daya kefahaman dalam proses PdP, merangsang daya kefahaman dan ingatan serta lebih fokus dan cenderung dengan persembahan grafik yang ditayangkan," katanya kepada *BH Minda*, baru-baru ini.

Persediaan masa depan

Bagi pelajar SMK TTDI Jaya, Saw Khoi Zi Chong, penggu-



Saw Khoi Zi Chong

naan ICT mendidiknya mendalami ilmu mengenai dunia teknologi dan melatih untuk lebih bersedia menghadapi masa depan pendidikan yang lebih mencabar.

"PdP berasaskan ICT banyak membantu saya untuk lebih memahami sesuatu mata pelajaran dan informasi dengan lebih tepat.

"Contohnya, dalam subjek Sejarah, dengan adanya persediaan grafik



Pelajar tidak mudah jemu kerana ICT mempamerkan imej dan visual menarik.

seperti tayangan filem akan dapat memaparkan seolah-olah kejadian sebenar," katanya.

Selain tidak berasa jemu dan lebih fokus, katanya, ICT dalam PdP dapat melatih

dan mendidiknya mengendalikan komputer dengan lebih berkesan dan belajar membaik pulih komputer peribadi.

"Dengan adanya ICT, cikgu boleh mempelbagai-

kan kaedah dalam menyampaikan ilmu pengetahuan yang mudah untuk difahami dan menjalankan penilaian bagi memastikan kami fokus dan ingat pada sesuatu mata pelajaran," katanya.

Jurus Muay Thai Muhammad Ulya

➔ Pelajar SMK Bandar Puteri Jaya minat gerakan lincah sukan dari negara jiran

Oleh Abnor Hamizam Abd Manap
bhmindanstp.com.my

➔ Sungai Petani

Pergerakan sukan Muay Thai banyak menampilkan elemen sepakan dan tumbukan.

Seni mempertahankan diri yang selalu dicop ganas itu bagaimanapun tidak menghalang Personaliti BH Minda minggu ini untuk menyertainya.

Ikuti perkongsian pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Puteri Jaya, Muhammad Ulya Nuruddin Epi, 15, mengenai pembabitannya sepanjang menyertai seni mempertahankan diri.

Apakah yang menyebabkan anda meminati sukan Muay Thai?

Saya meminati sukan Muay Thai kerana suka melihat



Muhammad Ulya (kanan) kerap berlatih bersama-sama rakannya untuk mengekalkan prestasi sebelum menyertai pertandingan.

orang lain berlawan. Melihat pergerakan kaki dan tangan yang pantas menyebabkan saya ingin menyertainya. Hasil sokongan dan dorongan ayah terbukti banyak membantu saya untuk terus berkecimpung dalam sukan ini. Ibu sedikit risau dengan risiko yang bakal saya hadapi, namun saya berjaya meyakinkan beliau untuk mempercayai kebolehan yang dimiliki. Bercakap mengenai kecederaan, semua sukan berdepan risiko, tetapi seni mempertahankan diri ini kita perlu kaji teknik bersukan, perlu tahu selok-belok mengenainya untuk mengelakkan diri daripada tercedera.

Apakah kelebihan menyertai Muay Thai?

Saya berpendapat, mempelajari seni mempertahankan diri adalah satu alternatif yang baik untuk tujuan keselamatan. Mereka yang menyertai Muay Thai akan menguasai pelbagai gerakan membabitkan kaki, tangan dan lutut melalui teknik betul supaya tidak mengalami kecederaan. Seni ini juga dapat menjaga berat badan, meningkatkan stamina, menaikkan kekuatan kaki dan tangan, kekuatan tulang kering serta menjadikan tubuh badan lebih bersemangat. Bagi mahir dalam sukan ini bukanlah sesuatu yang mudah. Saya dilatih dalam tempoh yang lama

untuk menguasai kemahiran seni Muay Thai. Seni ini juga membuatkan saya berupaya berfikir dengan pantas kerana ketika pertandingan, tindakan cepat perlu untuk mencatitkan pergerakan dan strategi bagi menubangkan lawan.

Bagaimanakah anda mengekalkan stamina bagi memastikan sentiasa bersedia dalam apa-apa sahaja pertandingan?

Saya sentiasa berlatih hampir setiap hari bagi mengekalkan prestasi. Kebiasaannya rutin harian saya adalah berjoging sepanjang tiga kilometer yang menjadi senaman kardio paling mudah dan penting untuk dilakukan. Joging

dapat memperkuatkan otot kaki dan menjadikan diri tidak cepat letih. Saya juga melakukan tekan tubi sebanyak 50 kali dan bangkit tubi 100 kali sebagai rutin harian. Saya juga akan melatih otot tangan dan kaki kerana seni Muay Thai memerlukan pengamalannya menggunakan tangan, siku, lutut, kepala dan kaki untuk menyerang atau melindungi diri.

Bagaimanakah anda membahagikan masa untuk belajar dan bersukan?

Selepas sesi persekolahan, saya pulang ke rumah dan tidur untuk menyimpan tenaga untuk digunakan pada setiap petang. Selepas latihan, saya mengulangi kaji dan membuat kerja sekolah pada waktu malam. Bagi saya, sukan ini tidak mengganggu pembelajaran saya, malah menambah kemahiran seperti berfikir dengan pantas dan membahagikan masa dengan betul.

Mengapakah anda memilih sukan Muay Thai berbanding sukan lain?

Semasa saya kecil, saya sering melihat perlawanan dan amat meminati sukan ini. Masyarakat selalu berfikir Muay Thai adalah antara sukan yang ganas dan berisiko. Bagi saya, sebelum memulakan sesuatu latihan atau perlawanan, kita perlu memanaskan badan untuk melonggarkan otot badan supaya tidak mengalami kecederaan. Kalau cukup latihan, semua itu dapat dielakkan dan sukan ini sebenarnya dapat menjamin masa depan. Fokus pada tahap maksimum adalah penting kerana Muay Thai memerlukan ketelitian, terutama ketika menjalani latihan dan pertarungan di gelangang.

Selain sukan Muay Thai, apakah yang anda minati dan apakah harapan pada masa akan datang?

Muhammad Ulya Nuruddin Epi

Tarikh lahir 22 Ogos 2004
Tempat lahir: Hospital Kangar
Sekolah Rendah: Sekolah Rendah Islam Sn Almasriyah, Sekolah Kebangsaan Sungai Pasir Kecil
Sekolah Menengah: SMK Bandar Puteri Jaya
Hobi: Beriadah
Cita-cita: Jurulatih Muay Thai
Kedudukan dalam keluarga: Anak sulung daripada tiga adik-beradik

Pembabitan dan pencapaian

- 16th World Muay Thai Championship Bangkok (March 2019)
- Kejohanan Muay Kebangsaan Perlis (Februari 2019)
- Kejohanan Bakat Tinju Kebangsaan (Mac 2018)
- Kejohanan Bakat Tinju Kebangsaan (November 2018) dan beberapa kejohanan Muay Thai antara klub-klub

Keseluruhan 2018

- Tinju tempat ke-3 mewakili Pulau Pinang di Terengganu
- Tinju tempat ke-2 mewakili Pulau Pinang di Negeri Sembilan

Keseluruhan 2019

- Mendapat Johan Kejohanan Muay Thai Kebangsaan di Perlis
- Mendapat Naib Johan dalam acara 16th World Muay Thai Championship Bangkok

Selain Muay Thai, saya juga memasuki sukan tinju. Ini kerana sukan tinju dapat membantu meningkatkan lagi kekuatan tangan dan kemahiran untuk digunakan dalam Muay Thai. Harapan saya pada masa akan datang ialah dapat mengharumkan nama negara dan mengajar generasi baharu mengenai sukan ini. Saya juga bercita-cita untuk menjadi jurulatih suatu hari nanti.



Muhammad Ulya menunjukkan pingat yang dimenangkannya dalam sukan Muay Thai.



Muhammad Ulya (kiri) meraih tempat kedua dalam pertandingan 16th World Muay Thai Championship di Bangkok, baru-baru ini.

redaksi

PENGARANG KUMPULAN
Khaidir A Majid

PENGARANG EKSEKUTIF KANAN
Saidon Idris

PENGARANG EKSEKUTIF KOMERSIAL DAN ETWAL SEMASA
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

PENGARANG EKSEKUTIF BERITA DAN DIGITAL
M Thilindan

PENGARANG EKSEKUTIF PENGELOUAN
Azhar A Samah

PENGARANG KANDUNGAN BM VERTIKAL PENDIDIKAN
Ridzuan Yop

PENDOLONG PENGARANG BERITA PENDIDIKAN
Mohd Zin Mohd Ali

KOORDINATOR
Basir Zahrom

PENYUNTING
Muhammad Fakhri Alias
Rusnita Pechok
Ili Ruzana Razali

Ammelia Asyiqin Dolbaharin
Maryam Shamillah Shamruzzaimi

WARTAWAN
Meor Ahmad Nasrin Rizal Ishak

ARTIS EKSEKUTIF
Mariyahatul Kabtiah Ree
Shuhazmir Selamat

ILUSTRATOR
Khairul Anuar Md Nor (Yon)
Muhammad Hazam Muhammad Nazri

PENGKIJARAN
TEL: 1 300 22 6787

BERITA HARIAN /VERTIKAL PENDIDIKAN
TEL: 1 300 22 6787
FAX: 603 2282 1139

LANGGANAN
JABATAN PENGEDARAN DAN JUALAN, AKHBAR NSTP
31, JALAN RIONG,
59100 KUALA LUMPUR

educationNSD@mediaprima.com.my
TEL: 1 300 22 6787

E-mel atau surat ke alamat:
bhmindagbh.com.my atau
95141 Benta,
31, Jalan Riong,
59100, Kuala Lumpur

www.bhpendidikan.com.my

fbpendidikan

fbpendidikan

KARANGAN RESPONS TERHAD

Pada minggu ini, kita akan membincangkan latihan pengukuhan Kertas 2, Bahagian A – Karangan Respons Terhad. Tema pilihan pada minggu ini ialah **Gaya Hidup Sihat**. Satu bahan rangsangan sahaja yang diajukan kepada calon untuk membantu calon membina ayat. Bagaimanapun, calon harus mengetahui bahawa dalam bahagian ini, pendekatan tema akan membantu murid menjawab bahagian ini dengan mudah dan tepat. Di samping itu, calon diingatkan agar menggunakan ayat yang gramatis, kosa kata yang luas, tepat dan betul semasa menghuraikan isi-isi berdasarkan bahan rangsangan. Huraian atau contoh yang diberikan pula hendaklah bersesuaian dengan tema atau tajuk yang diberi dalam soalan.

KARANGAN RESPONS TERHAD

[10 markah]

[Masa yang dicadangkan: 15 Minit]

Arahan: Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara 50 hingga 80 patah perkataan.

GAYA HIDUP SIHAT

- Menjaga pemakanan seharian
- Makan makanan seimbang
- Mengelakkan diri daripada penyakit

- Bersenam atau beriadah
- Menguatkan otot-otot badan
- Menyihatkan jantung

Anda Cergas, Anda Ceria

- Menjaga kebersihan rumah
- Menghapuskan tempat pembiakan nyamuk
- Membuang sampah di tempat yang betul

- Membuat pemeriksaan kesihatan
- Mengambil langkah rawatan
- Mengelakkan aktiviti yang menjejaskan kesihatan

Pemerenggan Cadangan:

Pendahuluan	Masyarakat Malaysia digalakkan mengamalkan gaya hidup sihat.	
Isi 1	Mereka harus mengambil makanan seimbang untuk mengelakkan penyakit. Aktiviti bersenam sepuluh minit sehari dapat membantu otot-otot menjadi kuat dan menyihatkan jantung.	Isi 2
Isi 3	Kebersihan rumah penting untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes daripada membiak. Sampah sarap perlulah dibuang dengan cara yang betul.	
	Rakyat Malaysia disarankan membuat pemeriksaan kesihatan dan mengambil langkah yang betul untuk mendapatkan rawatan serta mencegah diri daripada aktiviti merokok.	Isi 4
	Kesimpulannya, amalan gaya hidup sihat boleh membantu rakyat Malaysia hidup dalam keadaan gembira.	Penutup
	[80 patah perkataan]	

Karangan Lengkap Contoh:

Masyarakat Malaysia digalakkan mengamalkan gaya hidup sihat. Mereka harus mengambil makanan seimbang untuk mengelakkan penyakit. Aktiviti bersenam, sepuluh minit sehari dapat membantu otot-otot menjadi kuat dan menyihatkan jantung.

Kebersihan rumah penting untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes daripada membiak. Sampah sarap perlulah dibuang dengan cara

yang betul.

Rakyat Malaysia disarankan membuat pemeriksaan kesihatan dan mengambil langkah yang betul untuk mendapatkan rawatan serta mencegah diri daripada aktiviti merokok.

Kesimpulannya, amalan gaya hidup sihat boleh membantu rakyat Malaysia hidup dalam keadaan gembira.

[80 patah perkataan]

Latihan 1

KARANGAN RESPONS TERHAD

[10 markah]

[Masa yang dicadangkan: 15 Minit]

Arahan: Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara 50 hingga 80 patah perkataan.

GAYA HIDUP SIHAT

Pemakanan seimbang – makanan seimbang – menjauhi pelbagai penyakit – kualiti tidur yang mencukupi – pembakaran metabolisme

– bersenam dan beriadah – mengeluarkan peluh dalam badan

– mengurangkan stres – melahirkan warga yang sihat -

Latihan 2

KARANGAN RESPONS TERHAD

[10 markah]

[Masa yang dicadangkan: 15 Minit]

Arahan: Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Buang makanan ringan

Bersederhana

Gunakan pinggan kecil

6 TIP GAYA HIDUP

Membantu anda kekal sihat dan lانسing

Berbelanja makanan sihat

Amalkan minum air lemon

Bersenam

IMBUHAN APITAN PEN...AN DAN APITAN KE...AN

Semoga ayat-ayat yang berikut dapat mengurangkan kekeliruan yang sering dihadapi oleh pelajar dalam hal perubahan makna kata yang diberikan **imbuhan apitan pen...an** dan **ke...an**, di samping memahami penggunaannya yang betul dan menepati maksud dalam ayat-ayat.

1 Cair

- i. **Pencairan** membawa makna proses mencair atau mencairkan; proses menukarkan (menjual) aset kepada tunai bagi tujuan menjelaskan hutang syarikat

Ayat:

Penduduk yang tinggal di kawasan kutub utara itu sentiasa bersiap sedia untuk berhadapan dengan masalah banjir apabila hujan lebat dan hal ini akan diburukkan lagi jika berlaku **pencairan** salji di kawasan sekitar tempat mereka tinggal.

- ii. **Kecairan** bermaksud perihal cair; kebolehan untuk menukarkan sesuatu aset kepada wang tunai dengan mudah dan cepat

Ayat:

Ketua juri yang mengadili "Pertandingan Memasak Ikan Patin Secara Tradisional" itu bukan sahaja mengutamakan rasa makanan dan kualiti masakan yang dihasilkan oleh para peserta, malah amat menitikberatkan hal kepekatan atau **kecairan** santan kelapa yang mereka gunakan sebagai kuah dalam masakan mereka.

+2 Canggih

- i. **Pencanggih** membawa pengertian perbuatan mencanggihkan sesuatu

Ayat:

Kementerian Pendidikan sedang melaksanakan pelbagai strategi penting bagi memastikan usaha **pencanggih** kaedah pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 yang berbantuan komputer dan Internet dapat diaplikasikan secara menyeluruh di semua sekolah di negara ini.

- ii. **Kecanggih** bermaksud perihal (sifat, keadaan, dan sebagainya) canggih

Ayat:

Kecanggih sistem operasi telefon pintar pertama yang akan dikeluarkan oleh Sistem Telefon Malaysia (Sistema) itu menjadi tahanan utama peminat di samping reka bentuknya yang tipis, ringan serta mesra pengguna.

3 Cerah

- i. **Pencerahan** ialah perihal (perbuatan) mencerahkan sesuatu

Ayat:

Pihak jawatankuasa pentadbir masjid kami akan mengundang pegawai-pegawai daripada Jabatan Agama Negeri Johor untuk menyampaikan ceramah dan membenkan **pencerahan** tentang isu-isu perniagaan yang tidak menepati hukum syarak kepada penduduk tempatan.

- ii. **Kecerahan** ialah menjelaskan perihal cerah

Ayat:

Kakitangan pejabat yang menggunakan komputer pada setiap hari semasa bekerja, dinasihati agar mengurangkan **kecerahan** pada skrin komputer mereka untuk mengelakkan kerosakan mata.

4 Ceria

- i. **Penceriaan** membawa maksud proses (perbuatan) menceriakan sesuatu atau seseorang

Ayat:

Proses **penceriaan** bilik darjah bermula dengan kesepakatan dan kerjasama antara semua murid di dalam sesebuah bilik darjah di samping bimbingan serta motivasi para guru.

- ii. **Keceriaan** bermakna perihal (keadaan, sifat) ceria

Ayat:

Selain memastikan aspek pembelajaran dijadikan fokus utama oleh semua murid, mereka juga diminta menitikberatkan aspek kebersihan dan **keceriaan** bilik darjah.

5 Dalam

- i. **Pedalaman** bermaksud daerah yang jauh yang terletak di ceruk pelosok atau di hulu negeri), hulu

Ayat:

Kerajaan sedang berusaha untuk memajukan kawasan **pedalaman** negeri itu agar penduduknya dapat mengenyam nikmat pembangunan negara sebagaimana penduduk yang tinggal di kawasan yang pesat membangun seperti di bandar atau di pinggir bandar.

- ii. **Pendalaman** ialah perihal mendalamkan, tindakan (proses) mendalamkan

Ayat:

Semua kerja **pendalaman** dan pembersihan sungai sedang giat dijalankan di daerah tersebut sebagai langkah untuk menghindari masalah banjir apabila tiba musim hujan kelak.

- iii. **Kedalaman** bermaksud perihal dalam (budi bahasa, pengetahuan, pelajaran, dan lain-lain): terlalu dalam

Ayat:

Dua faktor utama yang menyukarkan pencarian kapal terbang yang dilaporkan terhempas di Lautan Hindi itu ialah gelombang besar dan **kedalaman** lautan itu sendiri.

6 Dapat

- i. **Pendapatan** bermaksud jumlah wang yang diperoleh dalam jangka waktu tertentu (sebagai hasil daripada mata pencarian, kerja yang dilakukan, dan sebagainya), hasil yang terdiri daripada gaji dan lain-lain yang diperoleh (hasil) penemuan buat pertama kalinya (tidak ada atau diketahui sebelumnya), dapatan

Ayat:

Sebagai pulangan daripada kegigihannya bertungkus lumus, tanpa mengenal erti jemu dan putus asa mengusahakan produk kosmetik tersebut, Amar kini bergelar seorang usahawan yang berjaya dengan **pendapatan** bulannya mencecah puluhan ribu ringgit.

- ii. **Kedapatan** membawa makna didapati, dijumpai, diketahui

Ayat:

Pihak berkuasa telah melakukan berbagai-bagai strategi dan kaedah dan untuk mengesan penjenayah-penjenayah siber yang sedang aktif melakukan kegiatan menggodam akaun pengguna melalui Internet, namun hingga kini belum **kedapatan** sebarang bukti yang menunjukkan bahawa ada rakyat negara ini yang turut terlibat.

7 Dengar

- i. **Pendengaran** ialah pancaindera untuk mendengar, alat mendengar (seluruh bahagian telinga): perihal mendengar(kan), apa-apa yang dapat didengar

Ayat:

Dia berasa amat sedih dan kesal kerana kehilangan alat bantuan **pendengaran** yang dibelinya dengan harga melebihi RM10 ribu itu akibat kecuaiannya sendiri ketika menyertai ekspedisi mendaki gunung baru-baru ini.

- ii. **Kedengaran** maksudnya (dapat) didengar, terdengar diperoleh berita, diketahui

Ayat:

Dari jauh **kedengaran** bunyi suara seperti bayi yang sedang menangis, namun apabila kami mendekatinya kami dapati bunyi yang kami dengar tadi itu ialah bunyi beberapa ekor anak kucing yang ditinggalkan oleh ibunya di dalam kawasan semak itu.

8 Duduk

- i. **Pendudukan** bermaksud perihal atau perbuatan menduduki sesuatu daerah atau negara oleh kuasa luar (tentera dan lain-lain)

Ayat:

Datuk kami gemar menceritakan pengalamannya sebagai seorang askar ketika **pendudukan** Jepun di negara ini pada suatu ketika dahulu, sambil menunjukkan barang-barang antik yang dimilikinya.

- ii. **Kedudukan** membawa pengertian tempat tinggal (yang didiami); tempat letaknya keadaan atau selok-belok (hal) sesuatu perkara (terutama pada masa tertentu), situasi: tingkatan taraf (martabat, darjat, dan sebagainya)

Ayat:

Dia berjaya melonjakkan **kedudukan** dan prestasi akademiknya di dalam kelas dan bertekad untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh selepas bapanya ditimpa kemalangan dan tidak berupaya untuk menyara keluarganya lagi.

9 Dusta

- i. **Pendustaan** bermaksud perihal mendustai, pembongkaran

Ayat:

Pengarah syarikat kewangan itu harus dikenakan hukuman yang lebih berat disebabkan oleh **pendustaan** yang telah dilakukannya dengan membuat tuduhan liar serta menyebarkan fitnah terhadap kakitangan bawahannya yang tidak bersalah, demi kepentingan diri sendiri.

- ii. **Kedustaan** merujuk perihal dusta, sesuatu yang dusta, kebohongan

Ayat:

Asuhlah anak-anak kita dengan nilai-nilai murni dan sifat kejujuran yang sekali gus akan menghindari mereka daripada **kedustaan**.

10 Gemuk

- i. **Penggemukan** ialah perihal (proses, perbuatan, dan sebagainya) menggemukkan

Ayat:

Terdapat sesetengah pemelihara kucing yang memberikan haiwan kesayangan mereka ayam atau ikan yang direbus, pada setiap kali waktu makan untuk menggalakkan **penggemukan** haiwan berkenaan.

- ii. **Kegemukan** merujuk perihal gemuk, keadaan gemuk


Ayat:

Masalah **kegemukan** telah menyebabkan pemuda tersebut menghadapi kesukaran untuk bergerak dan seterusnya membatasi kecekapannya dalam menguruskan hal-hal tertentu di tempat kerjanya.


WRITING SKILLS- SHORT COMMUNICATIVE MESSAGE

Practise 1

Read the postcard from your brother, Naufal.

<p>Hi Kak Hana,</p> <p>My friends and I are planning to host a Malaysian Open House in our hostel in Cairo, Egypt. Can you suggest a dish that I can prepare to serve my guests here? Please reply soon.</p> <p>Your brother, Naufal</p>	 <p>To:</p> <p>Alya Hana 15, Jalan Helang 1, Bandar Alam Masai, 81750 Johor.</p>
--	---

In about **80 words**, write a postcard to your brother, Naufal giving a good suggestion on what dish to prepare.

<p>Hi Naufal,</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>From,</p> <p>_____</p>	 <p>To:</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p>
--	--

Practise 2

You plan to take your friend out for dinner at a restaurant.

In about **80 words**, write an e-mail to your friend.

In your e-mail:

- state the restaurant you plan to take him/her to
- give reasons to support your choice
- add other relevant information to make your writing interesting

To: _____

From: _____

Subject: _____

Message text

SEND

Practise 3

You received an invitation card from your neighbour, Adam.



COME AND JOIN US!

You are invited to join us for a farewell party honouring our neighbour,

Tuan Haji Fakhri and family
who are leaving for Alor Setar, their home town.

It will be held
on the 20th May 2019 (Saturday)
at No 34, Jalan SS3/12 Bangsar.
from 8 p.m. to 11 p.m.

See You There ...

In about **80 words**, write a message to Adam declining the invitation. Give your reason.

Practise 4

You wish to recommend a book to your friend.

In about **80 words**, write an e-mail to your friend.

In your e-mail:

- state the book you have chosen
- give reasons to support your choice
- add other relevant information to make your writing interesting

To: _____

From: _____


Subject: _____

Message text

SEND


Satah Cartes

Paksi-x dan paksi-y membahagikan satah Cartes kepada empat sukuan.



Koordinat Titik

Titik pada satah Cartes diwakili dengan pasangan tertib (x, y) yang dipanggil sebagai koordinat titik.




Koordinat-x menunjukkan 8 unit dari paksi-y
Koordinat-y menunjukkan 6 unit dari paksi-x

Contoh 1:

Plotkan setiap titik yang berikut dan cari jarak dari paksi-x dan paksi-y.

- (a) P(2, 4) (b) Q(-3, 2)

Penyelesaian:



- (a) P(2, 4)
Koordinat-x ialah 2. Oleh itu, jarak P dari paksi-y ialah 2 unit.
Koordinat-y ialah 4. Oleh itu, jarak P dari paksi-x ialah 4 unit.

- (b) Q(-3, 2)
Koordinat-x ialah -3. Oleh itu, jarak Q dari paksi-y ialah 3 unit.
Koordinat-y ialah 2. Oleh itu, jarak Q dari paksi-x ialah 2 unit.


Jarak di antara Dua Titik

Jarak di antara dua titik pada suatu satah Cartes adalah jarak garis lurus yang menyambungkan dua titik tersebut.

Contoh 2:

Diberi titik P(-2, -4) dan Q(6, 2), hitung jarak PQ.

Penyelesaian:



$$PS = 6 - (-2) = 8 \text{ unit}$$

$$QS = 2 - (-4) = 6 \text{ unit}$$

Menggunakan teorem Pythagoras,
 $PQ^2 = PS^2 + QS^2$
 $= 8^2 + 6^2$
 $= 64 + 36 = 100$

$$PQ = \sqrt{100} = 10 \text{ unit}$$


Oleh itu, jarak PQ = 10 unit

Titik Tengah

Titik tengah bagi garis lurus yang menyambungkan dua titik yang diberi ialah titik yang membahagi dua sama garis lurus itu.

Contoh 3:

Diberi titik S(1, 1) dan T(9, 5), cari titik tengah ST.



Penyelesaian:

Kaedah I

- Bina suatu segi tiga bersudut tegak.
- Lukis garis seranjang dari tengah SU (MSU) dan tengah TU (MTU).
- Titik persilangan dua garisan, MSU dan MTU adalah titik tengah ST atau MST = (5, 3).
- Oleh itu, titik tengah ST = (5, 3).

Kaedah II

- Hitung purata titik S dan T.
- Titik tengah = $\left(\frac{1+9}{2}, \frac{1+5}{2}\right)$
 $= \left(\frac{10}{2}, \frac{6}{2}\right)$
 $= (5, 3)$

Latihan


1 Tandakan nilai-nilai dalam satah Cartes mengikut skala 1 : 5 pada paksi-x dan 2 : 1 pada paksi-y. Seterusnya, plotkan titik-titik berikut.

Mark the values on a Cartesian plane according to the scale of 1 : 5 on the x-axis and 2 : 1 on the y-axis. Hence, plot the following points.

- (a) S(25, 4)
 (b) T(30, 1)
 (c) U(15, 3)
 (d) V(-5, -3)
 (e) W(-10, 4)

2 Rajah 1 menunjukkan sebilangan titik-titik dalam satu satah Cartes.

Diagram 1 shows a few points on a Cartesian plane.



Rajah 1 / Diagram 1

Hitung jarak di antara titik-titik yang diberikan berdasarkan satah Cartes di atas.

Calculate the distance between the following points based on the Cartesian plane above.

- (a) AB
 (b) CD
 (c) GH
 (d) PQ
 (e) RS

3 Diberi titik A(3, 2) dan titik B(-1, -1), hitung jarak AB. Given point A(3, 2) and point B(-1, -1), calculate the distance of AB.

4 Cari titik tengah bagi pasangan titik-titik berikut: Calculate the midpoint for the following pairs of points:

- (a) (1, 6) dan / and (11, 6)
 (b) (-3, -2) dan / and (-3, 10)
 (c) (2, 4) dan / and (-8, -2)

5 Suaikan setiap yang berikut dengan pasangan yang betul. Match each of the following with the correct pair.

Paksi-y y-axis	Asalan Origin	Satah Cartes Cartesian plane
Paksi-x x-axis	Titik tengah Midpoint	

Titik persilangan paksi mengufuk dan paksi mencancang pada kedudukan (0, 0). The intersection point of horizontal and vertical axes at (0, 0).

Titik yang membahagi dua sama suatu tembereng. The point that bisects a segment.







Paksi yang mengufuk dan berseranjang dengan paksi mencancang dalam sistem koordinat Cartes. The horizontal axis is perpendicular to the vertical axis in a Cartesian coordinate system.

KERADIOAKTIFAN

Kegunaan Sinaran Radioaktif

- Sinaran radioaktif digunakan dalam bidang perubatan, pertanian dan pertahanan, arkeologi atau geokronologi, perindustrian dan pengawetan makanan.
- Pengurusan sisa radioaktif:
 - Aras rendah: disimpan di dalam tong khas dan ditanam di dalam tanah
 - Aras sederhana: diletakkan di dalam blok konkrit dan kemudian ditanam di dalam tanah
 - Aras tinggi: direndam di dalam air sejuk, kemudian dimasukkan ke dalam bekas keluli dan ditanam 600 m di dalam tanah

Langkah-langkah keselamatan dalam mengendalikan bahan radioaktif:

		
Menggunakan penyepit untuk bahan radioaktif lemah.	Tempat simpanan bahan radioaktif dilabel dengan simbol amaran.	Bahan radioaktif disimpan di dalam bekas plumbum yang tebal.
		
Gunakan pakaian dan peralatan perlindungan yang diperbuat daripada plumbum.	Pakai lencana sinaran khas untuk merekodkan dos pendedahan sinaran radioaktif	Menggunakan robot untuk mengendalikan bahan radioaktif

Latihan

- Apakah jenis sinaran radioaktif yang digunakan dalam pengawetan makanan?
What types of radioactive radiations is use in food preservation?
 - A Sinar alfa
Alpha rays
 - B Sinar beta
Beta rays
 - C Sinar gama
Gamma rays
 - D Sinar kosmik
Cosmic rays
- Apakah maksud simbol amaran seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1?
What is the meaning of the warning symbol as shown in the Diagram 1?



Rajah 1 / Diagram 1

- A Mudah terbakar
Easily burns
 - B Menyebabkan lecur dan merosakkan kulit
Causes burns and damage skins
 - C Memancarkan sinaran radioaktif yang berbahaya
Emits radioactive radiation that is dangerous
 - D Meletup apabila dipanaskan atau salah dikendalikan
Explode when heated or wrongly handle
- Antara pekerjaan yang berikut, yang manakah tahap penyerapan sinaran mengion lazimnya melebihi tahap selamat?
Among the following works, which one have the level of absorption for ionizing radiation that usually more than the safe level?
 - A Petani
Farmer
 - B Guru
Teacher
 - C Jurutera
Engineer
 - D Pramugara
Flight steward

- Apakah logam yang sesuai digunakan untuk membuat pakaian perlindungan bagi mengendalikan bahan radioaktif?
What is the suitable metal used to make protection uniform to handle radioactive substances?
 - A Karbon
Carbon
 - B Aluminium
Aluminium
 - C Magnesium
Magnesium
 - D Kalium
Potassium
- Kotak penyimpanan bahan radioaktif mempunyai dinding yang tebal yang diperbuat daripada bahan X. Apakah bahan X tersebut?
Storage box for radioactive substance have a thick wall made from substance X. What is substance X?
 - A Plumbum
Lead
 - B Karbon
Carbon
 - C Kuprum
Copper
 - D Kalium
Potassium
- (a) Sinaran radioaktif digunakan dalam proses pengawetan makanan. Rajah 2 menunjukkan buah kiwi yang diawet menggunakan sinaran radioaktif tersebut.
A radioactive radiation is use in food preservation process. Diagram 2 shows kiwi fruits that is preserved using radioactive radiation.



Rajah 2 / Diagram 2

- (i) Namakan sinaran radioaktif tersebut.
Name the radioactive radiation.

[1 markah / 1 mark]

- (ii) Nyatakan fungsi sinaran radioaktif tersebut dalam pengawetan makanan.
State the function of the radioactive radiation in food preservation.

[1 markah / 1 mark]

- (iii) Jelaskan sama ada makanan yang diawetkan dengan sinaran radioaktif selamat dimakan.
Explain whether foods preserved by radioactive radiation are safe to consume.

[2 markah / 2 marks]

- (b) Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah tentang kegunaan lain sinaran radioaktif yang dinyatakan di (a)(i).
Mark (✓) for the correct statements and (X) for the incorrect statement about other uses of radioactive radiation mention in (a)(i).

(i)	Untuk mensterilkan alat-alat pembedahan <i>To sterilize the surgical instruments</i>	
(ii)	Untuk memanjangkan masa penyimpanan sayuran hijau <i>To prolong the storage period of green vegetables</i>	
(iii)	Untuk mencegah ubi kentang dari bercambah <i>To prevent potatoes from sprouting</i>	

[3 markah / 3 marks]

- Rajah 3 menunjukkan tong-tong yang berlabel ditemukan oleh penduduk kampung di sebatang sungai yang berdekatan kampung mereka.
Diagram 3 shows barrels with labels found by the villagers at a river near their village.



Rajah 3 / Diagram 3

- (a)(i) Berdasarkan Rajah 3, namakan bahan yang terkandung di dalam tong-tong tersebut.
Based on Diagram 3, name the substance that inside the barrels.

[1 markah / 1 mark]

- (ii) Nyatakan kesan bahan di dalam tong tersebut kepada penduduk kampung yang berdekatan.
State the effects of the substance inside the barrels to the nearby villagers.

[2 markah / 2 marks]

- (b) Bincangkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak kerajaan agar perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi.
Discuss the steps to be taken by the government so this issues will not happen again.

[2 markah / 2 marks]

PENAMBAHBAIKAN PRODUK

Laporan penilaian dan pengujian dapat mengenal pasti setiap kelemahan dan kekurangan pada sesebuah produk. Melalui kelemahan yang diperolehi, dapat dibuat penambahbaikan pada sesebuah produk tersebut sekiranya perlu. Penambahbaikan dapat memperbaiki kelemahan sesuatu produk untuk menjadikannya lebih sempurna dan seterusnya dapat mencapai objektif penghasilan produk serta memenuhi kehendak pengguna.

Sebagai seorang pereka bentuk, beberapa perkara dalam penambahbaikan perlu difikirkan untuk memperbaiki kelemahan sesuatu produk. Rajah 1 menunjukkan antara perkara utama yang perlu diambil kira semasa penambahbaikan produk.

Penambahbaikan produk

- | | |
|--|---|
| 1. Mengubah suai reka bentuk produk untuk disesuaikan dengan fungsinya. | 4. Menjadikan reka bentuk produk lebih ergonomik. |
| 2. Menggantikan komponen yang rosak dengan yang baharu dan sesuai. | 5. Memberi nilai tambah kepada aspek keselamatan. |
| 3. Membuat pengubahsuaian pada bahagian tertentu produk untuk menjadikannya lebih efisien. | 6. Kemasan produk ditingkatkan seperti kesesuaian warna dan susunan komponen. |

Cadangan Penambahbaikan pada Berus Automatik

Melalui pengujian dan penilaian yang telah dilakukan ke atas Berus Automatik, didapati berus ini mampu berfungsi seperti yang diharapkan. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan yang boleh diambil bagi mengatasinya. Jadual 1 menunjukkan beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan terhadap Berus Automatik.

Bahagian	Kelemahan yang wujud	Cadangan penambahbaikan
Bahan	Perumah yang diperbuat daripada kayu kurang sesuai untuk kegunaan membersih kerana bahan tersebut tidak kalis air dan boleh mengembang apabila terkena air. Seterusnya, keselamatan komponen dalaman mungkin terjejas.	Menggantikan perumah dengan bahan seperti plastik yang mempunyai banyak kelebihan seperti tahan lama, mudah dibersihkan, kalis air, tahan lasak dan ringan.
Reka bentuk	Reka bentuk pemegang yang kurang menekankan reka bentuk ergonomik yang memungkinkan tangan pengguna akan mudah berasa sakit sekiranya digunakan dalam jangka masa yang lama.	Pemegang ditambah dengan bahan seperti silikon atau getah bagi memberikan cengkaman yang kuat dan mudah digenggam semasa kerja-kerja membersih.
Sumber kuasa	Bateri perlu diganti dengan yang baharu apabila kehabisan tenaga.	Menggantikan bateri yang boleh dicas semula dengan pilihan sama ada mengecas terus daripada USB atau plag 3 pin.
Sistem mekanikal	Pergerakan motor AT menjadi perlahan jika berus ditekan dengan kuat ketika membersih.	Motor AT yang berkuasa tinggi digantikan dengan motor AT biasa untuk membolehkan daya kilas yang tinggi.
Pelaras kelajuan	Berus hanya dapat bergerak dalam kelajuan yang sama.	Menambah suis atau perintang boleh laras bagi membolehkan kelajuan tapak membersih bergerak sesuai dengan kegunaan membersih.

Latihan

BAHAGIAN A

Pilih jawapan antara A, B, C atau D berdasarkan pilihan jawapan yang diberi.

- Antara yang berikut, yang manakah **bukan** tujuan penambahbaikan dilakukan pada sesuatu produk?
 - A Meningkatkan kos
 - B Memenuhi keperluan
 - C Meninggikan nilai komersial
 - D Memperbaiki kelemahan
- Nyatakan perkara yang perlu dititikberatkan apabila membuat penambahbaikan pada reka bentuk sesuatu produk.
 - I Meningkatkan kefungsihan produk
 - II Menggantikan komponen yang rosak
 - III Meningkatkan tahap keselamatan
 - IV Menjadikan produk lebih ergonomik
 - A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, II dan IV
 - D II, III dan IV
- Mengapakah reka bentuk perlu ditambah baik pada binaan produk yang dihasilkan?
 - I Mengelakkan kecederaan
 - II Menambahkan ketahanan
 - III Meningkatkan kos
 - IV Memberikan keselesaan
 - A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

4

Penambahbaikan yang dilakukan ke atas sesuatu produk dapat memberikan keselesaan, kekuatan cengkaman dan daya tarikan pelanggan.

- Penambahbaikan apakah yang merujuk kepada pernyataan dia atas?
- A Keselamatan
 - B Ergonomik
 - C Ketahanan
 - D Kefungsihan
- 5 Sesebuah produk mempunyai bahagian yang agak tajam dan membahayakan pengguna. Apakah aspek penambahbaikan yang boleh dilakukan?
- A Ergonomik
 - B Ketahanan
 - C Keselamatan
 - D Kefungsihan

BAHAGIAN B

Jawab semua soalan dalam bahagian ini di ruang jawapan yang disediakan

- Nyatakan perkara utama yang perlu diambil kira semasa penambahbaikan produk.
 - A. _____
 - B. _____
 - C. _____

[3 markah]
- Berpandukan kepada gambar di bawah, nyatakan penambahbaikan yang boleh dilakukan pada produk tersebut.



- A. _____
 - B. _____
 - C. _____
- [3 markah]

3 Tandakan (✓) pada tujuan penambahbaikan dan (X) pada bukan tujuan penambahbaikan.

- A. Menambahkan fungsi sesuatu produk
 - B. Memperbaiki kelemahan bahagian sesuatu produk
 - C. Meningkatkan keselamatan produk
- [3 markah]

4 Suaikan padanan kelemahan yang wujud dalam sesebuah produk dengan aspek penambahbaikan dengan betul.

- | | |
|---|---|
| A. Bateri produk perlu diganti apabila kehabisan tenaga | Mengubahsuaikan bahagian yang licin |
| B. Pergerakan sesebuah produk sekata sahaja. | Tambah bahagian untuk mengecas. |
| C. Mudah tergelincir apabila memegang sesuatu produk. | Menggantikan kepada perintang boleh laras / regulator |
- [3 markah]

5 Apakah yang menyebabkan sesuatu produk itu perlu kepada penambahbaikan?

- A. _____
 - B. _____
 - C. _____
- [3 markah]

BAHAGIAN C

Jawab semua soalan dalam bahagian ini di ruang jawapan yang disediakan.

- Apakah maksud penambahbaikan?

[2 markah]
- Sebuah kerusi yang kurang sifat ergonomiknya diubah suai menjadi sebuah kerusi roda. Adakah penambahbaikan yang dilakukan itu menepati kriteria yang ditetapkan? Terangkan.

[2 markah]
- Pada pendapat anda, apakah kelemahan dan cadangan penambahbaikan yang dapat dilakukan untuk memperbaiki kerusi di sekolah anda?

	Kelemahan	Penambahbaikan
1		
2		
3		

[6 markah]

BERIMAN KEPADA RASUL

Beriman kepada rasul adalah salah satu tajuk di bawah Bahagian Akidah Tingkatan Tiga.

Catatan:

PENGERTIAN	
Nabi	Lelaki yang dipilih oleh Allah SWT yang menerima wahyu untuk dirinya tetapi tidak diperintah untuk menyampaikan kepada orang lain
Rasul	Lelaki pilihan Allah SWT yang dikurniakan wahyu untuk amalan dirinya sendiri dan diperintah menyampaikan kepada umatnya

RASUL-RASUL YANG WAJIB DIKETAHUI				
Adam a.s.	Idris a.s.	Nuh a.s.	Hud a.s.	Soleh a.s.
Ibrahim a.s.	Lut a.s.	Ismail a.s.	Ishak a.s.	Yaakob a.s.
Yusuf a.s.	Ayub a.s.	Syuib a.s.	Musa a.s.	Harun a.s.
Zulkifli a.s.	Daud a.s.	Sulaiman a.s.	Ilyas a.s.	Ilyasak a.s.
Yunus a.s.	Zakaria a.s.	Yahya a.s.	Isa a.s.	Muhammad SAW

KESAN BERIMAN KEPADA RASUL	
Terhadap individu	Mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat Mengetahui perkara-perkara ghaib yang di luar jangkauan pemikiran
Terhadap keluarga	Membina keluarga bahagia dan harmoni Memelihara setiap anggota keluarga daripada dosa dan kemaksiatan
Terhadap masyarakat	Mengutamakan perpaduan dan saling menghormati Mengamalkan budaya tolong-menolong dalam perkara kebajikan
Terhadap negara	Membina tamadun Islam yang berasaskan syariat Islam Membangunkan ekonomi berasaskan sumber yang halal

Latihan

1. Tanda (✓) pada nama nabi ululazmi dan tanda (X) pada yang tidak berkaitan di dalam kotak yang disediakan.

No.	Nama Nabi	(✓) atau (X)
(i)	Nabi Idris a.s.	
(ii)	Nabi Ibrahim a.s.	
(iii)	Nabi Sulaiman a.s.	
(iv)	Nabi Zakaria a.s.	
(v)	Nabi Isa a.s.	

2. Garis jawapan yang betul dalam kurungan.

- (i) Para rasul bersifat (fatanah / tabligh) agar semua perintah Allah SWT dapat sampai kepada manusia dan mereka tidak pernah menyembunyikan sedikit pun risalah yang diterimanya.
- (ii) Risalah tauhid yang satu dan saling lengkap melengkapi dibawa oleh para rasul bermula dengan Nabi (Ibrahim a.s. / Adam a.s.) dan disempurnakan oleh Nabi Muhammad SAW.
- (iii) Mukjizat (Hissi / Maknawi) ialah mukjizat yang hanya dapat diketahui dengan menggunakan kekuatan akal fikiran yang dikurniakan oleh Allah SWT.

3. Tulis (W) pada sifat wajib bagi rasul dan (M) pada sifat mustahil bagi rasul di dalam kotak yang disediakan.

- (i) Siddiq
- (ii) Kitman
- (iii) Fatanah
- (iv) Kizbun

4. Pilih nama nabi yang betul bagi pernyataan di bawah.

Nabi Isa a.s.	Nabi Nuh a.s.
Nabi Muhammad SAW	Nabi Ibrahim a.s.

- (i) Allah SWT memerintah Baginda supaya menyembelih puteranya Nabi Ismail a.s.
Jawapan : _____
- (ii) Baginda menyeru kaumnya selama 950 tahun supaya beriman kepada Allah SWT tetapi hanya beberapa orang sahaja yang beriman.
Jawapan : _____
- (iii) Pelbagai ujian dan rintangan yang dihadapi ketika berhijrah ke Madinah.
Jawapan : _____
- (iv) Baginda diancam bunuh oleh kaumnya dan telah dikhianati oleh sahabat karibnya, iaitu Yahuza.
Jawapan : _____

5. Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang betul.

hissi	wahyu	rasul	ululazmi
-------	-------	-------	----------

- (i) Orang Islam yang tidak mempercayai seorang daripada 25 orang _____ akan batal imannya.
- (ii) Nabi ialah lelaki yang dipilih oleh Allah SWT yang dikurniakan _____ kepadanya untuk amalan diri sendiri dan tidak diperintah menyampaikan kepada orang lain.
- (iii) Mukjizat terbahagi kepada dua, iaitu mukjizat _____ dan maknawi.
- (iv) Rasul _____ ialah mereka yang cekal hati, kuat keazaman dan tinggi tahap kesabaran dalam menegakkan agama Allah SWT.

6. Pilih istilah yang betul bagi pernyataan di bawah.

Istidraj	Sihir	Irhas	Maunah	Karamah	Mukjizat
----------	-------	-------	--------	---------	----------

No.	Pernyataan	Jawapan
i	Perkara luar biasa yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada nabi dan rasul.	
ii	Perkara luar biasa yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hamba Allah SWT yang soleh.	
iii	Perkara luar biasa yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada orang biasa yang beriman sebagai pertolongan Allah kepada mereka.	
iv	Perkara luar biasa yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada seseorang yang bakal dilantik menjadi rasul.	
v	Perkara luar biasa yang berlaku kepada sesiapa sahaja yang mempelajarinya kerana dorongan hawa nafsu untuk melakukan kejahatan.	
vi	Perkara luar biasa yang berlaku kepada manusia yang mengingkari Allah SWT seperti orang faskid dan kafir.	

7. Apakah maksud Ismatul Rasul?

8. Jelaskan dua hikmah rasul bersifat maksum.

- (i) _____
- (ii) _____

Para rasul sejak Nabi Adam a.s. hinggalah kepada Nabi Muhammad SAW menghadapi pelbagai ancaman dalam menyampaikan risalah dakwah kepada umat manusia. Segala rintangan dan ancaman yang dihadapi tidak mematahkan usaha dakwah tersebut dengan adanya tahap kesabaran yang tinggi dalam jiwa mereka.

9. Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah anda dapat mengambil iktibar daripada kesabaran para rasul dalam konteks menuntut ilmu?

10. Tulis (R) pada pernyataan berkaitan bagi rasul dan (N) pada pernyataan berkaitan bagi nabi di dalam kotak yang disediakan.

No.	Pernyataan	(R) atau (N)
(i)	Sebahagiannya menerima suhuf sahaja	()
(ii)	Sebahagiannya menerima suhuf dan kitab	()
(iii)	Tidak ditugaskan menyampaikan perintah Allah SWT	()
(iv)	Ditugaskan menyampaikan wahyu Allah SWT	()
(v)	Bilangannya melebihi 124 ribu orang	()
(vi)	Bilangannya wajib diketahui ialah seramai 25 orang	()

11. Jelaskan dua ciri rasul Ululazmi.

- (i) _____
- (ii) _____

12. Terangkan dua tujuan Allah SWT mengurniakan mukjizat kepada para rasul.

- (i) _____
- (ii) _____

13. Apakah maksud mukjizat hissi?

14. Nyatakan maksud mukjizat maknawi berserta contoh.

15. Jelaskan dua sebab rasul dilantik dalam kalangan manusia.

- (i) _____
- (ii) _____

16. Bagaimanakah anda mencontohi sifat maksum rasul?

17. Nyatakan dua amalan yang menunjukkan anda mencintai Rasulullah SAW.

- (i) _____
- (ii) _____

18. Jelaskan dua perbezaan di antara Nabi dan Rasul.

No.	Nabi	Rasul
(i)		
(ii)		

19. Jelaskan dua daripada tugas Rasul.

- (i) _____
- (ii) _____

20. Terangkan dua akibat sekiranya Allah SWT tidak mengutus para rasul kepada manusia.

- (i) _____
- (ii) _____

KESAN PENTADBIRAN BARAT KEPADA EKONOMI DAN SOSIAL

Perkembangan pengaruh British telah membawa perubahan sosioekonomi negara kita melalui pengenalan ekonomi moden. Pentadbiran Barat berkaitan dengan ekonomi turut diperkenalkan untuk memudahkan pihak British mengeksploitasi ekonomi terutamanya perusahaan perlombongan dan pertanian. Pentadbiran British tersebut seharusnya memberikan kesan kepada aspek ekonomi dan sosial di negara kita.

Penanaman Getah

Negeri-negeri Melayu

- Pelabur Eropah seperti Guthrie, Sime Darby, United Plantations, Harisson and Crossfield dan Boustead Buttery Estate melabur dalam industri getah di Tanah Melayu.
- Mereka banyak membuka ladang getah di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor.

Sarawak

- Keluarga Brooke tidak menggalakkan pembukaan ladang getah oleh syarikat asing bagi melindungi ekonomi penduduk tempatan daripada dieksploitasi oleh kapitalis Barat.
- Oleh itu, hanya Syarikat Borneo diberi kebenaran mengusahakan tanaman getah.
- Syarikat Borneo mengusahakan ladang getah di Dahanu, Bidi dan di Sungai Samarahan.
- Getah mula menjadi tanaman eksport Sarawak pada tahun 1910.

Sabah

- Getah ditanam di Taman Percubaan Kerajaan di Sandakan pada tahun 1882
- Getah juga ditanam di Bongaya di Sungai Labuk
- Jesselton menjadi pusat perdagangan getah

Jadual 1: Senarai Syarikat Getah yang Beroperasi di Sabah pada tahun 1907

Bil	Nama Syarikat	Keluasan Tanaman (Ekar)	Modal (Pound Sterling)
1	British North Borneo Para Rubber	3,000	20,000
2	British North Borneo Company	20,000	200,000
3	Langkon Borneo Rubber Company Limited	12,000	1000,000
4	Manchester North Borneo Company Limited	13,000	100,000
5	Sapong and Tobacco Estates Limited	30,000	100,000
6	The Tenom Borneo Para Rubber Company Limited	10,000	100,000

Sumber: *Planting in British North Borneo*. Printed at Government Printing Office British North Borneo, Sandakan 1907, hlm. 11

- H. N. Ridley telah dilantik sebagai Pengarah Taman Botaniikal Singapura.
- Pada tahun 1897 beliau telah memperkenalkan teknik torehan sistem *ibedem* atau sistem torehan *tulang ikan herring*.
- Teknik ini mampu memanjangkan hayat pokok getah

Negeri-negeri Melayu

- British turut membawa masuk buruh dari India untuk mengatasi masalah kekurangan buruh di ladang getah.

Sarawak

- Kemasukan imigran China secara ke Sarawak berikutan pelbagai galakan yang diberi oleh Charles Brooke.
- Pada tahun 1901, orang Cina Foochow telah dibawa masuk ke Sarawak.
- Buruh Jawa dibawa masuk ke Sarawak untuk bekerja di ladang getah.

Sabah

- Buruh Cina dibawa masuk ke Sabah untuk bekerja di ladang tembakau.
- Pihak SBUB membentuk Lembaga Penasihat Orang Cina di Sandakan (1890) untuk menjaga kebajikan orang Cina.

Buruh

- Perkembangan pesat dalam perusahaan bijih timah dan getah menyebabkan British menggalakkan kemasukan buruh dari Cina dan India.
- Tenaga buruh dari China dibawa masuk untuk bekerja di lombong bijih timah melalui Sistem Kontrak.
- Buruh dari India pula telah dibawa masuk secara beramai-ramai untuk bekerja di ladang getah melalui Sistem Kangani.

Sistem Kontrak

- Melalui sistem ini orang Cina dibawa masuk ke Tanah Melayu oleh pihak majikan.
- Tambang perjalanan, makanan, pakaian dan tempat tinggal disediakan oleh majikan.
- Mereka dikehendaki bekerja dengan majikan sehingga hutang tambang untuk membawa mereka masuk selesai.
- Setelah tamat kontrak, mereka bebas bekerja dengan majikan lain.
- Ramai buruh Cina dibawa masuk untuk bekerja di lombong bijih timah.

Sistem Kangani

- Kangani bermaksud ketua, tandil, mandur atau penyelia di ladang getah.
- Pemilik ladang menghantar Kangani ke India untuk mencari tenaga buruh.
- Kangani menguruskan tambang dan perjalanan buruh tersebut ke ladang majikannya.
- Buruh dikehendaki bekerja dengan pemilik ladang sehingga hutang tambang mereka selesai.
- Kangani dibayar komisen berdasarkan jumlah buruh yang dibawa masuk.
- Ramai buruh India dibawa masuk bekerja di ladang getah.
- Pada tahun 1877, British menubuhkan Jabatan Hal Ehwai China (Chinese Protectorate) bagi melindungi buruh-buruh Cina daripada dieksploitasi oleh mana-mana pihak.
- Pada tahun 1882 Ordinan Buruh Kontrak diluluskan untuk melindungi pekerja.
- Pada tahun 1908 Majlis Perundangan Singapura telah menubuhkan Tabung Imigran India untuk memberi kemudahan baylor dengan percuma kepada buruh-buruh India dan Madras di Tanah Melayu.
- Perkembangan ekonomi di negara kita telah menarik dan menjadi tumpuan buruh dan Indonesia kerana perusahaan bijih timah dan getah telah menyediakan banyak peluang pekerjaan.
- Mereka berhijrah ke Tanah Melayu untuk bekerja sebagai buruh.

Tugas Chinese Protectorate ialah menjaga kebajikan buruh-buruh Cina.



- Orang Jawa merupakan kumpulan yang terbesar diikuti oleh orang Minangkabau, Banjar, Bugis dan Bawean. Kebanyakan Orang Jawa, Banjar dan Bugis menetap di Johor, Selangor dan Perak.
- Mereka menjalankan kegiatan perniagaan dan pertanian.
- Orang Bawean bertumpu ke bandar seperti Johor Bahru, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.



Pejabat Chinese Protectorate yang pertama di Havelock Road, Singapura.

Latihan

BAHAGIAN B

- 1 Pada awal abad ke-20, perusahaan getah berkembang pesat di negara kita.



- (a) Jelaskan faktor yang mempengaruhi perkembangan tanaman tersebut.

[2 markah]

- (b) Namakan syarikat-syarikat perladangan getah yang terlibat dengan perusahaan getah di Tanah Melayu.

[4 markah]

- (c) Mengapakah syarikat-syarikat berikut berjaya memajukan kegiatan perladangan getah di negara kita?

Sime Darby Guthrie Harisson and Crossfield

Gunakan pengetahuan sejarah anda

[4 markah]

- 2 Kedatangan buruh dari China dan India ke negara kita dilakukan melalui Sistem Kontrak dan Sistem Kangani.

- (a) Jelaskan perusahaan ekonomi yang terlibat dengan pelaksanaan sistem tersebut.

[2 markah]

- (b) Apakah peranan pihak majikan melalui Sistem Kontrak?

[2 markah]

- (c) Mengapakah pemilik ladang menghantar Kangani ke India?

[3 markah]

- (d) Sejauh manakah pihak British berusaha melindungi kemasukan buruh-buruh daripada dieksploitasi oleh mana-mana pihak? Gunakan pengetahuan sejarah anda.

[3 markah]

BAHAGIAN C

- 1 Kemajuan ekonomi membolehkan British membina sistem pengangkutan di negara kita.

- (a) Jelaskan sistem pengangkutan yang terlibat dengan tindakan British tersebut.

[4 markah]

- (b) Pernyataan berikut berkaitan dengan langkah yang telah dilakukan oleh British.

Kemajuan industri perlombongan bijih timah dan getah menyebabkan British melabatkan diri dalam pembinaan jalan raya.

Huraikan perkembangan jalan raya di negeri-negeri Melayu pada era tersebut.

[8 markah]

- (c) Pembinaan sistem pengangkutan yang baik menjadi pemangkin kemajuan negara. Beri hujah anda.

[8 markah]

- 2 Kedatangan British membawa pendidikan sekular kepada masyarakat di negara kita.

- (a) Jelaskan ciri-ciri sekolah Inggeris yang telah diperkenalkan oleh pentadbiran Barat.

[4 markah]

- (b) Berikut ialah penubuhan sekolah-sekolah vernakular di negara kita.

Sekolah Vernakular Melayu
Sekolah Vernakular Tamil
Sekolah Vernakular Cina

Terangkan perkembangan sekolah-sekolah vernakular tersebut.

[8 markah]

- (c) Pada pendapat anda, mengapakah wujud pendidikan sekular di negara kita? Beri penjelasan anda.

[8 markah]

KEPENTINGAN TUMBUH-TUMBUHAN SEMULA JADI DAN HIDUPAN LIAR DI DUNIA

EKONOMI

- Aktiviti pembalakan membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan
- Hutan kaya dengan pokok balak yang bernilai tinggi akan menggalakkan kegiatan pembalakan
- Ini mendatangkan pendapatan kepada negara dengan aktiviti eksport balak dan hasil hutan yang lain
- Hutan juga membekalkan bahan mentah untuk membuat kertas seperti pokok konifer di Hutan Konifer.
- Ekopelancongan kawasan hutan juga sebagai satu daripada penyumbang kepada pendapatan negara.

PELANCONGAN

- Kawasan hutan sangat sesuai dijadikan sebagai kawasan pelancongan.
- Hal ini dapat mendekatkan masyarakat dengan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar secara langsung.
- Selain itu, semangat cinta akan alam semula jadi dapat dipupuk dalam kalangan masyarakat.
- Kawasan hutan dijadikan sebagai taman negara.
- Contohnya Hutan Monsun Tropika yang diwartakan sebagai Erawan National Park, Thailand telah menempatkan pelbagai jenis hidupan liar yang hampir pupus.
- Gajah merupakan satu daripada hidupan liar yang terdapat di sini dan dijadikan sebagai pengangkutan untuk kemudahan pelancong menjelajah kawasan hutan ini.
- Pelbagai kemudahan dan aktiviti lain yang disediakan kepada pelancong yang melawat taman negara.
- Hutan juga menggalakkan industri perabot, papan, kraf tangan dan rotan yang boleh meningkatkan sumber pendapatan penduduk.

PENGHALANG HAKISAN

- Akar pokok berfungsi sebagai penguat struktur tanah dan memperlambatkan air larian permukaan.
- Contohnya, pokok bakau di kawasan paya air masin berfungsi sebagai penghalang hakisan.
- Daun pokok yang besar juga memecahkan butiran hujan dan mengurangkan kelajuan air hujan jatuh ke bumi.
- Ini mengurangkan hakisan di atas permukaan bumi.

SUMBER PERUBATAN

- Sumber hutan juga kaya dengan tumbuh-tumbuhan yang boleh merawat pelbagai jenis penyakit.
- Antara bahagian tumbuh-tumbuhan yang sering digunakan untuk merawat penyakit ialah daun, batang, buah, bunga, akar, kulit kayu, biji dan hampas buah.
- Pokok aok dapat menyembuhkan cirit-birit, luka dan sakit tekak.
- Batang pokok *prickly pear* dapat mengurangkan kolesterol, membantu mengekalkan kandungan gula di dalam badan dan merawat kencing manis.
- Daun pokok pain dijadikan teh kerana kaya dengan vitamin C, manakala biji pain pula digunakan sebagai bahan antiseptik semula jadi untuk merawat luka.

Latihan

Jawab semua soalan

- Berikan kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi di dunia.
 - _____
 - _____
 - _____
 - _____
- Senaraikan empat jenis penyakit yang dipercayai dapat dirawat dengan menggunakan tumbuh-tumbuhan semula jadi.
 - _____
 - _____
 - _____
 - _____
- Bagaimanakah hutan dapat dijadikan sebagai kawasan ekopelancongan?
 - _____
 - _____
 - _____
- Nyatakan industri yang mendapat keuntungan daripada hasil hutan.
 - _____
 - _____
 - _____
 - _____
- Bagaimanakah tumbuh-tumbuhan semula jadi dapat menghalang hakisan.

Akar	i. _____ ii. _____
Daun	i. _____
- Berikan tiga kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi kepada ekonomi negara.
 - _____
 - _____
 - _____
- Berikan tiga contoh tumbuh-tumbuhan semula jadi yang dikatakan mempunyai khasiat untuk merawat penyakit.
 - _____
 - _____
 - _____
- Apakah hidupan liar yang digunakan sebagai tarikan pelancong?
 - _____
 - _____
- Apakah peranan pokok bakau di kawasan paya air masin?
 - _____
 - _____
- Nyatakan bahagian tumbuh-tumbuhan yang sering digunakan untuk merawat penyakit.
 - _____
 - _____
 - _____
 - _____
 - _____
- Lengkapkan jadual berikut.

Tumbuh-tumbuhan semula jadi	Khasiat
Pokok oak	i. _____ ii. _____
Pokok pain	i. _____ ii. _____
Pokok <i>prickly pear</i>	i. _____ ii. _____

Jawapan

BAHASA MELAYU

Latihan 1

Pemerenggan Cadangan:

Pendahuluan	Amalan gaya hidup sihat wajar dititikberatkan dalam kehidupan.	
Isi 1	Kita digalakkan memakan makanan seimbang untuk mencegah pelbagai penyakit dan mengelakkan obesiti.	
	Rakyat Malaysia dinasihatkan menjaga kualiti masa tidur. Orang dewasa disarankan mempunyai masa tidur lima hingga enam jam sehari. Tidur membantu pembakaran metabolisme dalam tubuh badan.	Isi 2
Isi 3	Selain itu, bersenam boleh menjadikan badan kita menjadi sihat dan otak menjadi cerdas. Aktiviti beriadah, seperti berbasikal membolehkan badan kita mengeluarkan peluh.	
	Kesimpulannya, amalan gaya hidup sihat mampu mengelakkan diri daripada mengalami tekanan atau stres.	Penutup
	[80 patah perkataan]	

Karangan Lengkap Contoh

Amalan gaya hidup sihat wajar dititikberatkan dalam kehidupan. Kita digalakkan memakan makanan seimbang untuk mencegah pelbagai penyakit dan mengelakkan obesiti. Rakyat Malaysia dinasihatkan menjaga kualiti masa tidur. Orang dewasa disarankan mempunyai masa tidur lima hingga enam jam sehari. Tidur membantu pembakaran metabolisme dalam tubuh badan. Selain itu, bersenam boleh menjadikan badan kita menjadi sihat dan otak menjadi cerdas. Aktiviti beriadah, seperti berbasikal membolehkan badan kita mengeluarkan peluh. Kesimpulannya, amalan gaya hidup sihat mampu mengelakkan diri daripada mengalami tekanan atau stres.

[80 patah perkataan]

Latihan 2

Pemerenggan Cadangan:

Pendahuluan	Pelbagai panduan yang boleh membantu gaya hidup sihat.	
Isi 1	Kita digalakkan mengambil pemakanan seimbang dan menjauhi makanan ringan serta bersederhana dalam pengambilan makanan berlemak.	
	Apabila mengambil makanan, kita digalakkan menggunakan pinggan yang kecil supaya kuantiti makanan yang diambil tidak berlebihan.	Isi 2
Isi 3	Oleh itu, dalam pemakanan kita, hendaklah kerap mengambil sayur-sayuran dan buah-buahan. Pemakanan seimbang boleh menghindari penyakit.	
	Aktiviti bersenam merupakan aktiviti yang menyihatkan badan dan boleh mengeluarkan peluh di samping menyalakan toksin dalam badan.	Isi 4
Penutup	Kesimpulannya, otak yang cerdas, lahir daripada badan yang sihat.	
	[80 patah perkataan]	

Karangan Lengkap Contoh

Pelbagai panduan yang boleh membantu gaya hidup sihat. Kita digalakkan mengambil pemakanan seimbang dan menjauhi makanan ringan serta bersederhana dalam pengambilan makanan berlemak. Apabila mengambil makanan, kita digalakkan menggunakan pinggan yang kecil supaya kuantiti makanan yang diambil tidak berlebihan. Oleh itu, dalam pemakanan kita, hendaklah kerap mengambil sayur-sayuran dan buah-buahan. Pemakanan seimbang boleh menghindari penyakit. Aktiviti bersenam merupakan aktiviti yang menyihatkan badan dan boleh mengeluarkan peluh di samping menyalakan toksin di dalam badan. Kesimpulannya, otak yang cerdas, lahir daripada badan yang sihat.

[80 patah perkataan]

BAHASA INGERIS

Practice 1

Hi Naufal,

My personal choice is none other than Mum's famous duck curry. I think it is the perfect dish for you to contribute for the open house. I am very sure it is unbeatable. It can be eaten with just about anything. You can serve it with plain rice or nasi lemak. It can even be served with a simple white bread. It is exquisite. I am very sure the guests would love it. Let me know how it turns out.

Your sister,
Hana

Practice 2

To	ipan@wowmail.com
From	raihan@pubgmail.com
Subject	Dinner at Warong Wak Randol
Hello Irfan,	
I am writing to invite you for dinner with my family. We are going to Warong Wak Randol. It serves the best Malaysian cuisine including our favourite chicken rendang, nasi lemak and traditional cakes. The most prevalent dish here is the wide selection of satay. It isn't easy to find a restaurant which serves delicious satay and traditional cakes, so let's try them. I hope you can join us.	
Your friend, Raihan	

Practice 3

Hello Adam,

I am honoured to be invited to the party. Thank you very much. I regret that I cannot join the farewell celebration because I will be attending my aunt's wedding reception on the same day. My family and I will leave for Muar on Friday afternoon. Nevertheless, I shall try to go and see Tuan Haji Fakhri and his family before they leave. They must be glad to be able to go back after staying in KL for quite a number of years. I will miss having him and his son as my aerobic partners every weekend. I hope things will turn out well for the party and do convey my regards to everyone there. Have a great time!

From,
Eddie

Practice 4

To	kumar@snailmail.com
From	mukmin@tmail.com
Subject	A Good Book to Read
Hi, Kumar. I would like to recommend a book to you. It is entitled "The Joy of Reading". The author is Rajan Murthy. It is about a young girl who has to help her parents in the farm and look after her younger siblings because her family is poor. She wants to go to school as she loves to learn. I know you will love this book because you like reading about characters who overcome obstacles to achieve their dreams. I hope you will enjoy reading this book.	
Your friend, Mukmin	

MATEMATIK


1.

2. (a) 5 unit
(b) 4 unit
(c) 7 unit
(d) 8 unit
(e) 10 unit

3. 5 unit

4. (a) (6, 6)
(b) (-3, 4)
(c) (-3, 1)

5.



REKA BENTUK & TEKNOLOGI

BAHAGIAN A

1. A 2. D 3. B 4. B 5. C

BAHAGIAN B

- A. Mengubah suai reka bentuk produk untuk disesuaikan dengan fungsinya

B. Menggantikan komponen yang rosak dengan yang baharu dan sesuai.

C. Membuat pengubahsuaian pada bahagian tertentu produk untuk menjadikannya lebih efisien.

 - * Menjadikan reka bentuk produk lebih ergonomik.
 - * Memberi nilai tambah kepada aspek keselamatan.
 - * Kemasan produk ditingkatkan seperti kesesuaian warna dan susunan komponen.
- A. Menambahkan ketahanan dengan menukar kaki kerusi kepada saiz yang lebih besar.

B. Meningkatkan keselamatan dengan mengubah saiz penyangkai kerusi supaya boleh menyandar dengan selesa dan mengelakkan daripada kanak-kanak terjatuh semasa menyandar.

C. Menambahkan keselesaan dengan pelapik span pada permukaan kerusi dan penyangkai agar dapat duduk dengan lebih selesa.
- A. X B. ✓ C. ✓
- A. Tambah bahagian untuk mengecap.

B. Menggantikan kepada perintang boleh laras / regulator.

C. Mengubahsuaikan bahagian yang licin.
- A. Reka bentuk yang kurang menarik.

B. Bahan yang digunakan kurang sesuai.

C. Terdapat komponen yang rosak.

 - * Mempunyai bahagian yang tajam dan membahayakan pengguna.
 - * Produk tidak menjalankan fungsi sebagaimana yang diharapkan.
 - * Fungsi sesuatu produk kurang berkesan.
 - * Produk kurang mendapat perhatian pengguna.

BAHAGIAN C

	Kelemahan	Penambahbaikan
1	Reka bentuk yang kurang ergonomik iaitu tidak selesa apabila duduk dalam jangka waktu yang lama.	Menambah span / pelapik kusyen supaya lebih selesa untuk duduk dalam jangka waktu yang lama.
2	Ketinggian kerusi yang sama sahaja untuk semua murid.	Mengubah suai kaki kerusi supaya dapat melaraskan ketinggiannya sesuai dengan ketinggian murid dan memberi lebih keselesaan.

Jawapan

3	Penyandar kerusi yang agak tegak menyebabkan kesan lenguh di bahagian pinggang apabila duduk dalam jangka waktu yang lama.	Mengubah suai penyandar supaya lebih fleksibel, sesuai dengan murid dan menambah keselesaan untuk belajar.
---	--	--

PENDIDIKAN ISLAM

- (i) (X) (ii) (✓) (iii) (X)
(iv) (X) (v) (✓)
- (i) tabligh (ii) Adam a.s. (iii) Maknawi
- (i) W (ii) M (iii) W (iv) M
- (i) Nabi Ibrahim a.s. (ii) Nabi Nuh a.s.
(iii) Nabi Muhammad SAW (iv) Nabi Isa a.s.
- (i) rasul (ii) wahyu (iii) hissi
(iv) ululazmi
- (i) Mukjizat (ii) Karamah (iii) Maunah
(iv) Irhas (v) Sihir (vi) Istidraj
- Maksud Ismatul Rasul ialah para rasul terpelihara daripada melakukan sebarang perkara maksiat, dosa dan perkara-perkara yang boleh mencemarkan kemuliaan, ketaatan dan kemampuan mereka dalam menyampaikan wahyu Allah SWT
- (i) Menjamin kewibawaan para nabi dan rasul
(ii) Meyakinkan manusia tentang risalah yang dibawa.
- Sentiasa bersabar menuntun ilmu dan tidak putus asa, contohnya terus berusaha apabila menghadapi kegagalan. Oleh itu, dengan tahap kesabaran yang tinggi dan cekal kita akan menjadi pelajar yang berjaya serta mendapat keredaan Allah SWT di dunia dan akhirat.
- (i) (N) (ii) (R) (iii) (N) (iv) (R) (v) (N) (vi) (R)
- (i) Mempunyai keazaman yang kuat ketika berhadapan dengan musuh.
(ii) Tiada sifat putus asa.
- (i) Membuktikan kekuasaan Allah SWT.
(ii) Menunjukkan kebenaran risalah yang dibawa oleh para rasul.
- Mukjizat hissi dapat dilihat dan dirasakan dengan pancaindera seperti mukjizat Nabi Muhammad SAW iaitu bulan terbelah dua dan air keluar dari celah-celah jari baginda.
- Mukjizat maknawi tidak dapat dilihat dan dirasakan oleh pancaindera tetapi dapat diketahui keluarbiasaannya dengan menggunakan kekuatan akal fikiran seperti al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW.
- (i) Memudahkan manusia menerima ajaran rasul.
(ii) Bersesuaian dengan manusia yang mempunyai sifat cekal, sabar dan gigih.
- (i) Sentiasa menjaga ketrampilannya agar sentiasa dihormati.
(ii) Menghindari maksiat dan dosa untuk mendapat keredaan dan ganjaran syurga Allah SWT.
- (i) Selalu berselawat.
(ii) Sentiasa mengamalkan sunnah baginda dalam kehidupan seharian.

No.	Nabi	Rasul
(i)	Bilangan nabi ramai	Bilangan rasul sedikit
(ii)	Tidak diperintah menyampaikan risalah Allah SWT	Ditugaskan menyampaikan wahyu Allah SWT

- (i) Mendidik manusia supaya berakhlak mulia.
(ii) Mengajar manusia cara beribadat dan menjalani kehidupan berlandaskan syariat.
- (i) Manusia tidak akan mengenal Allah SWT.
(ii) Amalan syirik dan khurafat akan berleluasa.

SEJARAH

Bahagian B

- (a) F1 Kejatuhan harga kopi di pasaran dunia
F2 Serangan penyakit terhadap tanaman kopi
F3 Pengeluaran kopi yang berlebihan dari Brazil
[Maksimum: 2 markah]
- (b) F1 Guthrie
F2 Sime Darby
F3 United Plantations
F4 Harrisons & Crossfields
F5 Boustead Buttery Estate
[Maksimum: 4 markah]
- (c) F1 Kesuburan kawasan tanah
F2 Penggunaan teknologi moden
F3 Tenaga buruh yang ramai
F4 Modal yang besar

- (a) F1 Perusahaan bijih timah
F2 Perusahaan getah
[Maksimum: 2 markah]
- (b) F1 Menyediakan tambang perjalanan
F2 Menyediakan makanan
F3 Menyediakan pakaian
F4 Menyediakan tempat tinggal
[Maksimum: 2 markah]
- (c) F1 Mencari tenaga buruh
F2 Menguruskan tambang
F3 Menguruskan perjalanan buruh
[Maksimum: 3 markah]
- (d) F1 Menubuhkan Jabatan Hal Ehwah Cina pada tahun 1877
F2 Meluluskan Ordinan Buruh Kontrak pada tahun 1882
F3 Menubuhkan Tabung Imigran India pada tahun 1908
[Maksimum: 3 markah]

Bahagian C

- (a) F1 Landasan kereta api
F2 Jalan raya
F3 Lapangan terbang awam
F4 Pelabuhan
[Maksimum: 4 markah]
- (b) F1 Membina jalan raya di Selangor
H1a Menghubungkan Kuala Lumpur dengan Pelabuhan Klang (Port Swettenham)
H1b Tahun 1902, membina jalan raya yang lebih lebar
H1c Peningkatan penggunaan kenderaan bermotor
H1d Lori
H1e Bas
H1f Kereta
H1g Basikal
F2 Menjelang tahun 1911 jalan raya dibina menghubungkan bandar besar
[Maksimum: 8 markah]
- (c) F1 Kawasan yang berpotensi sumber ekonomi
H2a Kawasan pelabuhan
F2 Menjelang tahun 1939 jaringan jalan raya dibina menghubungkan seluruh negeri
H3a Banyak petempatan baharu dibuka
H3b Pembukaan kawasan ladang getah yang baharu
H3c Kawasan perlombongan bijih timah
[Maksimum: 8 markah]
- (c) F1 Mampu menyaingi negara maju yang lain
F2 Mengurangkan kesesakan lalu lintas
F3 Mempercepatkan urusan perjalanan
F4 Menjamin keselamatan pengguna
F5 Menaikkan imej negara
F6 Memudahkan urusan perhubungan
F7 Memudahkan urusan perdagangan
F8 Menarik kedatangan pelancong dan pemodal luar
(*Mana-mana jawapan yang munasabah*)
[Maksimum: 8 markah]

- (a) F1 Didirikan di kawasan bandar
F2 Berpeluang melanjutkan pelajaran keluar negeri
F3 Berpeluang melanjutkan pelajaran dalam bidang pentadbiran
F4 Berpeluang melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan
F5 Diberi keutamaan menjawat jawatan yang baik dalam perkhidmatan kerajaan
[Maksimum: 4 markah]

- (b) Sekolah Vernakular Melayu
F1 British tidak berminat untuk memajukan orang Melayu dalam pendidikan
H1a Bertujuan untuk menjadikan orang Melayu mempunyai pengetahuan asas
H1b Membaca
H1c Menulis
H1d Mengira
[Maksimum: 4 markah]
- Sekolah Vernakular Cina
F2 Dibuka oleh masyarakat Cina
H2a Di kawasan bandar atau di tempat tinggal
H2b Kurikulumnya berorientasikan sekolah dari China
H2c Guru yang mengajar dibawa dari China
H2d Buku-buku teks dari negara China
[Maksimum: 4 markah]
- Sekolah Vernakular Tamil
F3 Tahun 1912, British memperkenalkan Ordinan Buruh
H3a Mewajibkan majikan ladang mendirikan
[Maksimum: 4 markah]
- Sekolah Tamil di ladang
H3b Terbatas di sekolah rendah

- H3c Kandungan kurikulum dibawa dari India
H3d Buku teks dari India
H3e Guru yang mengajar dari India
[Maksimum: 8 markah]
- (c) F1 Kemasukan buruh luar
F2 Perkembangan kegiatan ekonomi
F3 Lokasi petempatan yang berbeza
F4 Dasar pecah dan perintah British
F5 Aspirasi kaum yang berbeza
F6 Penggunaan bahasa yang berbeza
F7 Mengekalkan pendidikan negara asal masing-masing
F8 Semangat patriotisme terhadap negara asal
(*Mana-mana jawapan yang munasabah*)
[Maksimum: 8 markah]

SAINS

1. C 2. C 3. D 4. B 5. A
- (a) (i) Sinar gama
(ii) Untuk membunuh bakteria dalam makanan berkenaan.
(iii) Selamat. Kerana dos sinaran radioaktif dalam makanan yang diawet berada pada aras normal atau aras selamat.
 - (b) (i) 3 (ii) 7 (iii) 3
 - (a) (i) Bahan radioaktif
(ii) Boleh merosakkan sel badan
Boleh menyebabkan kematian
 - (b) Menguatkuasa undang-undang tentang pencemaran air
Mengadakan kempen kesedaran mengenai pencemaran air.

GEOGRAFI

- i. Pelancongan iii. Ekonomi
ii. Penghalang hakisan iv. Sumber perubahan
 - i. Kencing manis iii. Sakit tekak
ii. Kolesterol iv. Cirit-birit
 - i. Mewartakan hutan sebagai taman negara
ii. Menjadikan hidupan liar sebagai pengangkutan
iii. Menempatkan hidupan yang hampir pupus
 - i. Industri perabot iii. Industri kraf tangan
ii. Industri papan iv. Industri pembalakan
- | | |
|------|--|
| Akar | i. Menguatkan struktur tanah
ii. Mengurangkan air larian permukaan |
| Daun | i. Memecahkan butiran hujan
ii. Mengurangkan kelajuan titisan hujan |
- i. Membekalkan kayu balak
ii. Membekalkan sumber perubahan
iii. Membekalkan bahan mentah untuk membuat kertas
iv. Membuka peluang pekerjaan
 - i. Pokok prickly pear
ii. Pokok oak
iii. Pokok pain
 - i. Gajah ii. Unta
 - i. Menghalang hakisan ombak
ii. Menguatkan struktur tanah di pinggir laut
 - i. Buah v. Akar
ii. Batang vi. Bunga
iii. Kulit kayu vii. Hampas
iv. Daun viii. Biji

Tumbuh-tumbuhan semula jadi	Khasiat
Pokok oak	i Merawat cirit-birit ii Merawat sakit tekak iii Merawat luka
Pokok pain	i Kaya dengan vitamin C ii Bahan antiseptik untuk merawat luka
Pokok prickly pear	i Mengurangkan kolesterol ii Mengekalkan kandungan gula di dalam badan iii Merawat kencing manis

Sekitar

Tarik minat pelajar terhadap STEM

➊ Lebih 1,500 wakil sekolah sekitar Terengganu sertai Discover UMT 2019

Oleh Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak
meor.ahmad@bh.com.my

➋ Kuala Nerus

Bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) amat penting dalam pembangunan sesebuah negara.

Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang menuju ke arah mencapai status maju juga tidak ketinggalan membudayakan bidang berkenaan bermula peringkat awal persekolahan lagi.

Pelbagai inisiatif sudah dilaksanakan kerajaan, sektor swasta, institusi pengajian tinggi (IPT) mahupun pada peringkat sekolah bagi menarik minat generasi baharu untuk mendalami ilmu STEM.



Dr Laili Che Rose (tengah) bersama-sama urus setia program.

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melalui Pusat Asasi STEM menjalankan program Discover UMT 2019 iaitu pengenalan kepada ilmu sains, khusus kepada pelajar sekolah bagi mendukung hasrat kerajaan untuk memperkasa bidang berkenaan.

Beri pendedahan

Pengarah Pusat Asasi STEM UMT, Prof Madya Dr Laili Che Rose, berkata program itu bertujuan untuk mem-

promosikan dan mendedahkan pelajar sekolah berprestasi tinggi serta sekolah harian mengenai kepentingan pengajaran bidang STEM dalam kehidupan seharian.

"Kita mengadakan pameran berkaitan program pengajian sains yang ditawarkan di UMT bagi memastikan pelajar dan guru sekolah berprestasi tinggi dapat mengenal pasti program pengajian, terutamanya program Asasi STEM yang berpotensi untuk

pelajar Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT).

"Program ini turut memperkenalkan barisan penyidik serta mewujudkan landasan perkongsian ilmu dan pengalaman kepada warga sekolah di sekitar Terengganu, selain bertindak sebagai badan penasihat serta rujukan kepada komuniti," katanya dalam satu kenyataan, baru-baru ini.

UMT mengambil inisiatif sebagai tuan rumah me-



Pelajar teruja dapat melihat barang pameran ketika program Discover UMT 2019.

nganjurkan program berkenaan yang membabitkan 20 sekolah angkat STEM iaitu SBP sekitar Terengganu, Sekolah Menengah Agama (SMA), Sekolah Menengah IMTIAZ, Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan sekolah yang menawarkan program Tingkatan Enam aliran sains seperti Kolej Hulu Terengganu (HUTECS).

Minat berterusan

Discover UMT juga diadakan bagi memupuk minat yang berterusan dalam kalangan pelajar aliran sains tulen dan seterusnya memilih bidang STEM untuk melanjutkan pelajaran selepas

tamat persekolahan.

Program itu berjaya mengumpulkan lebih 1,500 pelajar dari seluruh negeri Terengganu dan mendapat maklum balas yang amat positif daripada pelbagai peringkat.

Sementara itu, pelajar SMA Mahmudiah, Nur Nashiha Sha'ari, berkata program itu amat membantunya dalam pemilihan aliran selepas tamat persekolahan kelak.

"Saya percaya ramai pelajar hadir hari ini mempunyai minat untuk menjadikan sains dan teknologi sebagai bidang kerjaya mereka kelak," katanya.

Dedah industri minyak, IR 4.0 menerusi dron

Kuala Lumpur: Dron yang sering digunakan untuk merakam gambar imej, video, risikan, pemantauan dan pemetaan dipilih menjadi alat pembelajaran dalam Program Pelajar Persidangan Minyak dan Gas Asia (AOGC) 2019.

Program tiga hari yang berlangsung di Sekolah Menengah Sains Selangor (SMSS) itu bertujuan menggalakkan pelajar untuk memahami Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0).

Selaras dengan tema AOGC 2019 iaitu 'Memajukan Masa Depan Tenaga Baharu', pengajuran program kali kedua sejak dilancarkan pada 2017 itu turut menyokong inisiatif kerajaan yang kini giat memperkasakan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Pengerusi Jawatankuasa Pengajar AOGC 2019, Encik Mohd Yusri Mohamed Yusof, berkata program itu bertujuan untuk mendedahkan pelajar mengenai penggunaan teknologi dalam industri minyak, gas dan tenaga.

"Program ini memberi peluang untuk peserta mengalami sendiri trend inovatif terkini melalui modul pembelajaran secara santai," katanya pada majlis pelancaran AOGC 2019 di Petrosains, baru-baru ini.

Yang turut hadir pada majlis itu, Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh Kementerian Pendidikan (KPM), Puan Aniza Kamaruzaman.

Penyertaan seluruh negara

Pada program berkenaan, seramai 80 pelajar dari 20 sekolah seluruh negara dipilih untuk mengambil bahagian dalam pelbagai program pembelajaran seperti bengkel, projek video, cabaran dron dan menjayakan projek.

Penyampaian anugerah akan diadakan untuk mengiktiraf pemenang dan peserta yang menyelesaikan kursus berkenaan.

Pada fasa pertama, peserta didedahkan dengan



Mohd Yusri Mohamed Yusof

bengkel dan penyerahan projek video yang berlangsung pada bulan ini di SMSS dan Petrosains.

Bagi fasa kedua pula, program terdiri daripada cabaran dron, menjayakan projek dan majlis penyampaian anugerah diadakan bermula 23 hingga 25 Jun di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Program itu ditaja oleh Petronas, ExxonMobil dan Repsol serta disokong oleh KPM dan Petrosains sebagai rakan kerjasama.



Persidangan AOGC 2019 yang disokong oleh KPM menggunakan dron sebagai alat pembelajaran.